

## **Kaitan Antara Faktor-Faktor Kekeluargaan Dengan Tingkah Laku Delikuensi Pelajar**

Azlina Mohd Kosnin & Suzila Mustapha

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kaitan antara faktor-faktor latar belakang keluarga, penerapan nilai-nilai keagamaan dan gaya keibubapaan dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Seramai 141 orang pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan yang beragama Islam telah terlibat dalam kajian ini. Faktor latar belakang keluarga diukur melalui ciri-ciri status sosioekonomi. Penerapan nilai-nilai keagamaan diukur menggunakan 10 soalan objektif. Bagi gaya keibubapaan, instrumen yang digunakan ialah skala keibubapaan yang mengandungi 27 soalan objektif. Kebolehpercayaan skala bagi semua pembolehubah adalah melebihi 0.6. Ujian kolerasi Pearson dan Ujian t telah digunakan bagi melihat kaitan dan perbezaan antara pembolehubah dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Bagi faktor latar belakang keluarga, hasil ujian kolerasi Pearson dan ujian t mendapati terdapat kaitan dan perbezaan yang signifikan antara pendapatan ibu bapa, status ibu bapa (bercerai atau tidak) dan kawasan tempat tinggal dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Hasil analisis mendapati terdapat kaitan yang signifikan antara penerapan nilai-nilai keagamaan dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Manakala bagi aspek keibubapaan pula, didapati terdapat kaitan yang signifikan antara aspek penglibatan dan pemberian autonomi dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Cadangan-cadangan daripada hasil kajian dikemukakan pada akhir laporan ini.

*Katakunci :* faktor-faktor kekeluargaan, tingkah laku delikuensi pelajar

### **Pengenalan**

Masalah disiplin dan keruntuhan moral remaja pada hari ini menjadi satu isu yang sering diperkatakan pada hari ini. Tuduh menuduh di antara satu pihak dengan pihak yang lain sering kedengaran bagi melindungi diri dari masalah yang terjadi.

Salah laku remaja adalah semakin serius. Laporan perangkaan polis, kes salah laku dan jenayah remaja melebihi 3000 pada tahun 1997 dan jumlahnya hampir sama pada tahun 1998 (Dewan Budaya, September 1999). Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Pengarah Eksekutif Institut Pembangunan Minda (Inmind), Dr. Zambry Abdul Kadir. Menurut beliau, kesalahan juvana yang dilakukan oleh remaja semakin meningkat setiap tahun. Statistik pada tahun 1998 menunjukkan 5612 remaja yang melakukan kesalahan juvana telah ditangkap manakala pada tahun 1999 pula seramai 5977 remaja telah ditangkap (Berita Harian, Mei, 2001).

Akhbar Berita Harian, (19 Julai 2001) melaporkan sebanyak 4,922,441 kes pelanggaran disiplin melibatkan pelajar di seluruh negara diterima oleh Kementerian Pendidikan dalam tempoh lima tahun (1996-2000). Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadhir Mohd. Khir (2001), berkata kes-kes pelanggaran disiplin tersebut melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Jumlah kes itu termasuk kes-kes disiplin yang kecil seperti ponteng sekolah, penampilan tidak kemas serta tidak menepati waktu. Katanya lagi, walaupun jumlah kes yang dilaporkan adalah besar tetapi mencatatkan penurunan dari 4.48 peratus pada tahun 1995 kepada 1.84 peratus pada tahun 2000. Manakala bagi tahun 1996 sebanyak 4.08 peratus kes disiplin berlaku dan menurun kepada 2.28 peratus (1997), 2.38 peratus (1998) dan 2.04 peratus (1999).

Keluarga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan seseorang individu, sahsiah dan tingkah laku. Setiap individu boleh menjadi negatif atau positif bergantung kepada keturunan dan suasana persekitaran keluarganya. Pertumbuhan dan perkembangan manusia bukan sahaja dari segi zahir dan batin, tetapi juga dari segi suasana alam sekitarnya iaitu sosial, aspek psikologi, emosional dan fizikal yang membentuk sahsiah individu. Kesahsiah ini dipengaruhi oleh baka, keturunan dan suasana sekitar yang sama-sama membantu tingkah laku seseorang individu. Kedua-dua ibu bapalah merupakan tunjang kepada sesebuah keluarga. Ini kerana ibu bapa pihak yang paling berpengaruh dalam membentuk peribadi anak-anak. Ibu bapa berperanan sebagai seorang pendidik yang terdekat terutama semasa di rumah semenjak dari kelahiran anak lagi. Seperti kata pepatah melayu “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

### **Penyataan Masalah.**

Pada masa kini, terdapat banyak kajian-kajian mengenai faktor-faktor keluarga yang dikaitkan dengan tingkah laku delikueni pelajar telah dijalankan terutama oleh pengkaji di Barat. Akan tetapi masalah yang berkaitan dengan isu kekeluargaan ini tidak dapat diselesaikan lagi sehingga hari ini.

Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengkaji kaitan antara faktor-faktor kekeluargaan dengan tingkah laku delikueni pelajar sekolah di Malaysia khususnya di negeri Kelantan. Faktor faktor kekeluargaan yang ingin dikaji ialah latar belakang keluarga, penerapan nilai-nilai keagamaan serta gaya keibubapaan.

### **Objektif Kajian :**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara faktor-faktor kekeluargaan dengan tingkah laku delikueni pelajar. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk:

1. Mengkaji kaitan antara faktor-faktor latar belakang keluarga dengan tingkah laku delikueni pelajar.
2. Mengkaji kaitan antara penerapan nilai-nilai keagamaan dengan tingkah laku delikueni pelajar.
3. Mengkaji kaitan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku delikueni pelajar.

### **Kepentingan Kajian**

Segala maklumat dan hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas yang berguna dan seterusnya menyumbangkan sesuatu yang berfaedah kepada semua pihak yang terlibat secara lansung dan tidak lansung iaitu kepada pihak ibu bapa atau institusi keluarga serta semua golongan muda ataupun pelajar sekolah.

Dapatan kajian ini dapat menyedarkan ibu bapa tentang betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh mereka dalam tugas mendidik anak dan melengkapkan generasi muda bukan sahaja dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga nilai-nilai murni. Pendedahan sebegini diharapkan dapat menyedarkan golongan ibu bapa tentang betapa pentingnya amalan kekeluargaan yang efektif perlu dipraktikkan dalam sesebuah institusi keluarga. Sehubungan dengan itu, pembentukan dan pengekalan institusi keluarga yang harmoni dan sejahtera dalam masyarakat sosial dapat diwujudkan.

Memandangkan institusi keluarga merupakan asas untuk membentuk sesebuah masyarakat, amalan kekeluargaan yang efektif yang dipraktikkan oleh ibu bapa tentu sekali berhubungkait dengan pembentukan sesebuah masyarakat sosial yang harmoni dan selamat

berlandaskan norma dan adab masyarakat yang diterima umum. Ini seterusnya dapat mengurangkan pengabaian sumber manusia dan sumber keewangan dalam mengatasi masalah sosial yang sentiasa berterusan ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini akan membantu merealisasikan wawasan 2020 dengan melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan berakhlak.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik di mana ianya bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang sesuatu yang sedang berlaku. Dalam konteks kajian ini, kaedah deskriptif ini merupakan kaedah sosial yang paling sesuai digunakan. Ini adalah kerana kajian ini bermatlamatkan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji bagi menjelaskan sesuatu keadaan atau fenomena yang sedang berlaku (Moktar, 1999). Menurut Wierma (1991), kajian berbentuk deskriptif akan dapat memberikan gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, disamping membantu untuk membuat perancangan pada masa akan datang.

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian adalah terdiri daripada 230 orang pelajar tingkatan 4 di 2 buah sekolah di Daerah Pasir Puteh Kelantan. Kumpulan pelajar-pelajar tingkatan 4 dipilih kerana

- i. Pelajar-pelajar tingkat 3 dan 5 dikecualikan dari sebarang penyelidikan kerana dikuatiri mengganggu tumpuan mereka dalam PMR dan SPM.
- ii. Pelajar-pelajar tingkatan 1 dan 2 dikategorikan sebagai pelajar yang masih berada di peringkat perkembangan (umur di antara 12 hingga 15 tahun ) dan mereka juga masih baru dalam proses menyesuaikan diri di sekolah.

Kesemua populasi adalah pelajar beragama Islam. Berdasarkan jadual penentu sampel daripada populasi (Krejcie. R.V and Morgan D.W, 1970), jumlah saiz sampel yang diperlukan daripada 230 populasi ialah 141 sampel. Oleh yang demikian, sampel kajian ini adalah sebanyak 141. Persampelan yang digunakan adalah persampelan berperingkat, di mana penyelidik telah memilih sekolah secara rawak dan memilih pelajar secara rawak.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah berbentuk soal selidik. Menurut Skager dan Weinberg (1973), soal selidik merupakan satu instrumen yang kerap digunakan dalam kajian deskriptif kerana menerusi kaedah ini kerjasama daripada responden adalah mudah diperolehi. Menurut Ee (1988) soal selidik mempunyai kebaikan tersendiri iaitu boleh digunakan dalam kumpulan yang ramai dan maklumat boleh didapati sekali gus, masa dan kos dapat dijimatkan. Soal selidik juga boleh dicuba terlebih dahulu untuk menentukan samada responden dapat menjawabnya dengan senang.

Tuckman (1988), menyarankan kaedah soal selidik lebih mudah mendapatkan kerjasama daripada responden. Soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, dan C di mana bahagian A adalah untuk melihat aspek demografi pelajar, bahagian B untuk melihat latar belakang keluarga pelajar. Manakala bahagian C ialah untuk melihat penerapan nilai-nilai keagamaan oleh ibu bapa pelajar dan persepsi pelajar tentang gaya keibubapaan ibu bapa mereka dan bahagian D untuk melihat jenis disiplin pelajar.

### **Kajian Rintis.**

Kajian rintis dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan soalan . Seramai 10 orang responden dari sekolah yang akan dijadikan sampel diberikan soal selidik bagi kajian rintis. Kajian rintis ini bertujuan untuk mengetahui tentang kefahaman pelajar dalam menjawab soal selidik tersebut di samping dapat memberi maklumat awal yang boleh dipertimbangkan sebelum meneruskan kajian.

### Analisis Data

Terdapat beberapa faktor latar belakang keluarga yang dikaji iaitu tahap pelajaran ibudan bapa, pendapatan ibu dan bapa, jumlah adik beradik, status hubungan ibu bapa dan kawasan tempat tinggal.

**Jadual 1:** Tahap Pembolehubah Faktor-Faktor Latar Belakang Keluarga.

Pembolehubah	Rendah	Sederhana	Tinggi
Tahap pelajaran ibu	8 (5.7%)	103 (73.0%)	30 (21.3%)
Tahap pelajaran bapa	22 (15.6%)	87 (61.7%)	31 (22.0)
Pendapatan ibu	19 (13.5%)	16 (11.3%)	6 (4.3%)
Pendapatan bapa	22 (15.6%)	87 (61.7%)	31 (22%)
Jumlah adik-beradik	8 (5.6%)	69 (49.0%)	63 (45.4%)

Jadual 1 menunjukkan tahap pembolehubah bagi faktor-faktor latar belakang keluarga. Majoriti tahap pelajaran ibu bapa berada pada tahap sederhana (73.0%, 61.7%). Manakala bagi pendapatan ibu pula, majoriti berada pada tahap rendah (13.5%). Berbeza pula dengan pendapatan bapa yang menunjukkan (61.7%) iaitu berada pada tahap sederhana. Begitu juga dengan jumlah adik beradik (49.0%) iaitu berda pada tahap sederhana.

**Jadual 2:** Nilai Min dan Sisihan Piawai Bagi Tingkah Laku Delikuensi Pelajar Bagi Hubungan Ibu dan Bapa (Bercerai atau Tidak).

Adakah ibu bapa anda bercerai?	Nilai Min	Sisihan Piawai
Ya	18.00	1.58
Tidak	12.89	8.80

Berdasarkan jadual 2, nilai min tingkah laku delikuensi bagi responden ibu bapa yang bercerai adalah lebih tinggi daripada nilai min tingkah laku delikuensi bagi ibu bapa yang tidak bercerai. Nilai min tingkah laku delikuensi bagi responden ibu bapa yang bercerai ialah 18.00, manakala nilai min tingkah laku delikuensi bagi responden ibu bapa yang tidak bercerai ialah 12.89. Ini menunjukkan pelajar yang lebih banyak melakukan tingkahlaku delikuensi terdiri daripada pelajar yang ibu bapa mereka bercerai.

**Jadual 3 :** Nilai Min dan Sisihan Piawai bagi Tingkah Laku Delikuensi Pelajar Bagi Kawasan Tempat Tinggal.

Kawasan tempat tinggal	Nilai Min	Sisihan Piawai
Bandar	10.27	7.00
Luar bandar	14.03	9.04

Jadual 3 menunjukkan nilai min tingkah laku delikuensi bagi pelajar yang tinggal di luar bandar adalah lebih tinggi dari nilai min tingkah laku delikuensi bagi pelajar yang tinggal di bandar. Nilai min tingkah laku delikuensi pelajar yang tinggal di luar bandar ialah 14.03. Manakala nilai min bagi tingkah laku pelajar yang tinggal di bandar ialah 10.27. Ini menunjukkan pelajar luar bandar lebih banyak melakukan tingkah laku delikuensi berbanding pelajar yang tinggal di bandar.

**Jadual 4:** Ujian Kolerasi Antara Faktor-Faktor Latar Belakang Keluarga Dengan Tingkah Laku Delikuensi.

Faktor-faktor latar belakang keluarga	r	p
Tahap pelajaran ibu	0.19	0.14
Tahap pelajaran bapa	-0.05	0.58
Pendapatan ibu	-0.33	0.00
Pendapatan bapa	0.26	0.00
Jumlah adik beradik	0.12	0.16

Jadual 4.8 di atas menunjukkan analisis kolerasi Pearson di antara faktor-faktor latar belakang keluarga dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Hasil ujian kolerasi bagi menguji kaitan antara tahap pelajaran ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar  $r = 0.19$  ( $p > 0.05$ ) dan kaitan antara tahap pelajaran ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar adalah positif tetapi tidak signifikan. Hubungan ini juga adalah sangat lemah. Oleh yang demikian, hipotesis nol diterima iaitu tidak terdapat kaitan yang signifikan antara tahap pelajaran ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar.

Manakala kaitan antara tahap pelajaran bapa dengan tingkah laku delikuensi pelajar adalah lemah, negatif dan tidak signifikan  $r = -0.05$  ( $p > 0.05$ ). Oleh yang demikian, hipotesis nol diterima dan menunjukkan tidak terdapat kaitan yang signifikan antara tahap pelajaran bapa dengan tingkah laku delikuensi pelajar.

Kolerasi Pearson juga digunakan bagi menguji kaitan antara pendapatan ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar dan didapati nilai  $r = -0.33$  ( $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan kaitan antara pendapatan ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar adalah negatif dan signifikan tetapi hubungan ini adalah lemah. Oleh yang demikian hipotesis nol ditolak iaitu terdapat kaitan yang signifikan antara pendapatan ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar. Dalam erti kata lain, semakin tinggi pendapatan ibu, semakin rendah tingkah laku delikuensi pelajar

Hasil ujian kolerasi Pearson bagi pendapatan bapa dengan tingkah laku delikuensi pelajar menunjukkan kaitan antara pendapatan ibu dengan tingkah laku delikuensi pelajar adalah positif dan signifikan  $r = 0.26$  ( $p < 0.05$ ). Hubungan ini adalah sangat lemah tetapi menghampiri tahap lemah. Oleh yang demikian hipotesis nol ditolak iaitu terdapat kaitan yang signifikan antara

pendapatan bapa dengan tingkah laku delikueni pelajar. Ini bermakna, semakin tinggi pendapatan bapa, semakin rendah tingkah laku delikueni pelajar.

Bagi menguji kaitan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku delikueni pelajar, ujian kolerasi Pearson juga telah digunakan. Hasil ujian mendapati nilai  $r = 0.12$  ( $p > 0.05$ ). Ini bermakna hubungan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku delikueni pelajar adalah positif tetapi tidak signifikan. Hubungan ini juga adalah sangat lemah. Justeru itu, hipotesis nol diterima dan tidak delikueni pelajar.

## **Perbincangan**

Faktor-faktor latar belakang keluarga dilihat dari beberapa aspek iaitu tahap pelajaran ibu, tahap pelajaran bapa, pendapatan ibu, pendapatan bapa, bilangan adik beradik, status hubungan ibu bapa (bercerai atau tidak) dan kawasan tempat tinggal. Dapatan kajian hasil daripada ujian kolerasi Pearson mendapati bahawa tiada hubungan yang signifikan antara tahap pelajaran ibu, tahap pelajaran bapa dan juga bilangan adik beradik. Oleh yang demikian, tahap pelajaran ibu, tahap pelajaran bapa dan juga bilangan adik beradik tidak mempunyai kaitan dengan tingkah laku delikueni pelajar. Kajian Noraziah (2003) menunjukkan tahap pelajaran ibu bapa dan bilangan adik beradik mempengaruhi tingkah laku delikueni. Dapatan kajian sekarang berbeza dengan dapatan kajian Noraziah mungkin kerana lokasi kajian. Lokasi kajian Norziah adalah di kawasan Bandar, manakala lokasi kajian sekarang dibuat di kawasan luar Bandar.

Hal ini berbeza dengan aspek pendapatan ibu dan juga pendapatan bapa. Analisis hasil ujian kolersi Pearson mendapati terdapat kaitan yang signifikan antara pendapatan ibu dan bapa dengan tingkah laku delikueni pelajar. Dapatan kajian ini selari dengan kajian dengan dapatan Noraziah (2003). Latar belakang keluarga termasuklah pekerjaan dan pendapatan ibu bapa. Tinjauan dari aspek pekerjaan menunjukkan majoriti ibu bapa remaja bekerja sebagai buruh (pemandu lori, pemandu bas, tukang besi, pekerja binaan, pemungut sampah, pengasuh kanakkanak) dan pekerja kilang. Pada dasarnya jenis pekerjaan ibu bapa secara tidak langsung mempengaruhi pendapatan yang diperolehi. Kebanyakan ibu bapa juvana memperolehi pendapatan kurang RM1000 sebulan. Jumlah pendapatan tersebut boleh dikelaskan sebagai pendapatan sederhana rendah. Secara umumnya, faktor pendapatan dan pekerjaan ibu bapa dalam kajian ini mempengaruhi penglibatan remaja dalam gejala sosial.

Ujian  $t$  juga telah dilakukan bagi melihat kaitan antara status hubungan ibu bapa (bercerai atau tidak) dengan tingkah laku delikueni pelajar. Hasil ujian  $t$  mendapati terdapat kaitan yang signifikan antara status hubungan ibu bapa (bercerai atau tidak) dengan tingkah laku delikueni pelajar. Ini agak bersesuaian dengan kajian Noraziah (2003) mendapati 44% remaja tidak tinggal bersama ibu bapa kandung disebabkan faktor penceraian dan kematian ibu bapa. Walaupun ia hanya menunjukkan peratusan yang tidak begitu besar, namun pada hakikatnya, masalah keretakan rumahtangga berlaku di kalangan keluarga juvana. Keretakan rumahtangga yang mengakibatkan penceraian dan perpisahan menyebabkan remaja kurang mendapat kawalan dari ibu bapa. Akibat daripada penceraian, akan berlaku ketidak seimbangan penjagaan anak oleh kedua ibu bapa. E.Eliot (1989) turut melaporkan bahawa masalah keruntuhan akhlak remaja berlaku kepada remaja yang mengalami keruntuhan keluarga dan tidak tinggal bersama ibu bapa kandung.

Ujian yang  $t$  juga dilakukan bagi melihat perbezaan antara kawasan tempat tinggal dengan tingkah laku delikueni pelajar. Hasil ujian mendapati terdapat kaitan dan perbezaan yang signifikan antara kawasan tempat tinggal dengan tingkah laku delikueni pelajar. Ini agak bersesuaian dengan kajian Noraziah (2003). Tinjauan beliau dari faktor tempat tinggal

menunjukkan majoriti 60% juvana tinggal di kawasan Bandar. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan setinggan dan tempat perumahan golongan bawahan. Pada umumnya, kawasan tempat tinggal seperti ini boleh meyumbang kepada tingkah laku devian remaja. Berdasarkan kajian West (1982), beliau mengatakan terdapat kaitan faktor tempat tinggal dengan delikueni remaja kerana kawasan setinggan cenderung mempengaruhi remaja dalam gejala sosial.

### **Rujukan**

- Abdul Razak Abdullah (2007). *Ibu Bapa Baik. Anak Bagaimana?* Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Siti Fatimah Abdul Rahman (1999). *Interaksi Bermakna-Masaberkualiti Bersama Keluarga*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Lukman Z Mohamed (2002). *Keluarga, Gender Dan Cabaran Sosial Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdb Bhd
- Ismail Yusof (2001). *Pengenalan Sains Sosial*. Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia Sintok.
- Azlina Abu Bakar (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Carole & Karen (1997). *Parenting A Life Perspective*. New York : The Mc Graw-Hill Companies INC.
- Baumrind, D. (1989). *Rearing Competent Children* . In Child Development Today and Tomorrow, Damon, W. (Ed.). San Francisco: Jossey-Bass, pp. 349-378.
- Clark, R.D., dan Shields, G. (1997). *Family Communication and Delinquency*. Adolescence, 32(125), 81-92.
- Ee Ah Meng: (2000). *“Pendidikan di Malaysia 1* . Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ibrahim Mamat (1997). *Memimpin Remaja Sekolah Teori Dan Praktik* . Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj. Husin (1996). *“Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak* . Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pemikir (Jun 1996). *Role Model Bangsa Melayu : Dulu Kini Dan Masa Depan* . Bil 4. m.s. 124–131.
- Rozman Hj. Din (2000). *“Pembangunan Diri Suatu Proses Berterusan* “. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.